



KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

BORANG SEBUT HARGA

SEBUT HARGA KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN
PEMBAIKAN ELEKTRIK KAFETARIA, UNIT PERKHIDMATAN SERTA
KERJA-KERJA BERKAITAN

| | | |
|-----------------------------------|---|---|
| KOD SEBUT HARGA | : | JPNJ/SH/K/04/2019 |
| NO. SIRI DOKUMEN SEBUT HARGA | : | |
| SEKTOR / UNIT / DAERAH | : | SEKTOR KHIDMAT PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN (UNIT PENTADBIRAN AM) |
| SIJIL SPKK | : | G2 – E7 DAN E11 |
| TARIKH TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK | : | 12.08.2019 (ISNIN – 12.00 T/HARI) |
| TEMPAT TAKLIMAT | : | BILIK MESYUARAT GELENGGANG, ARAS 3, BLOK A, JABATAN PENDIDIKAN NEGERI JOHOR |
| TARIKH DAN MASA BUKA | : | 08.08.2019 (KHAMIS - 12.00 T/HARI) |
| TARIKH DAN MASA TUTUP | : | 19.08.2019 (ISNIN - 12.00 T/HARI) |
| NAMA DAN CAP RASMI SYARIKAT | : | |

PERHATIAN:

1. Hanya **BORANG SEBUT HARGA ASAL** sahaja perlu dikembalikan.
2. Cap Rasmi Syarikat mestilah sama dengan nama syarikat di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan.
3. Borang ini mengandungi Senarai Semak Tawaran Kewangan, Lampiran A, B, C, D, E (Lampiran TAWARAN KEWANGAN) dan Lampiran Q. Senarai Semak Tawaran Teknikal, Lampiran F, (Lampiran TAWARAN TEKNIKAL). Senarai Semak Tawaran Kewangan, Senarai Semak Tawaran Teknikal dan semua lampiran wajib dihantar dan kegagalan menghantar kesemua lampiran dan dokumen yang diwajibkan akan menyebabkan penawaran sebut harga ini tidak akan dipertimbangkan (sila rujuk syarat-syarat penyebutharga).
4. Setiap ruangan hendaklah diisi. Jika tidak berkenaan, sila tulis "TIDAK BERKENAAN".
5. Borang sebut harga WAJIB diisi dengan pen berdakwat BIRU/HITAM dan dicap dengan menggunakan dakwat BERWARNA BIRU/HITAM sahaja. Penggunaan mesin taip adalah TIDAK DIBENARKAN.
6. Tawaran Kewangan dan Tawaran Teknikal perlulah dimasukkan kedalam sampul yang berasingan. Kemudian masukkan kedua-dua sampul tersebut ke dalam satu sampul besar serta berlakri dan bertanda dipenjurukan dengan "No Sebut Harga JPNJ/SH/K/04/2019". Sila masukkan sampul ke dalam tong sebut harga sebelum tarikh yang ditetapkan sebagaimana di atas ke alamat:
Urus Setia Perolehan Jabatan Pendidikan Negeri Johor,
Unit Perolehan dan Pengurusan Aset,
Aras 3, Blok A, Jabatan Pendidikan Negeri Johor.
7. Borang sebut harga yang dikemukakan tidak mengikut arahan di atas TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN. Keputusan sebut harga ini adalah MUKTAMAD dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.